

22 FEB 1997

Agong - Brunei

KUALA LUMPUR, 22 Feb (Bernama) -- Yang Di-Pertuan Agong Tuanku Jaafar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah hari ini mengirinkan perutusan tahniah kepada Sultan Brunei Sultan Haji Hassanah Bolkihah sempena ulangtahun ke -13 Hari Kebangsaan negara itu.

Dalam perutusan itu baginda berharap perhubungan dan semangat kerjasama antara kedua-dua negara akan terus meningkat demi kemakmuran dan kesejahteraan rakyat bersama.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan yang sama menyatakan keyakinannya bahawa hubungan dan kerjasama erat yang terjalin antara Malaysia dan Brunei akan dapat dipertingkatkan manakala persahabatan di antara rakyat kedua-dua negara akan terus berkekalan.

Sementara itu Menteri Luar Datuk Abdullah Badawi dalam perutusannya kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Brunei Pengiran Muda Mohamed Bolkihah, berharap kedua-dua negara akan terus menyumbang kepada kerjasama kepentingan serantau dan antarabangsa.

Abdullah berharap persefahaman dan perhubungan dua hala Malaysia-Brunei akan terus dikekalkan dan ditingkatkan lagi di masa-masa hadapan. --

BERNAMA

AKT WAT